

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
(SANDAKAN)**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci jumlah rumah setinggan setiap daerah di Sabah dan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana prihatin akan persoalan rumah setinggan di Sabah. KPKT sememangnya bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta berdaya huni (*livable*) kepada pelbagai kumpulan sasar, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rumah setinggan bagi keseluruhan di negeri Sabah adalah berjumlah 23,778 unit. Perincian bagi setiap daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Bil. Rumah
1	Sandakan	6,516
2	Semporna	4,297
3	Tawau	3,600
4	Lahad Datu	3,711
5	Kudat	2,285
6	Beluran	484
7	Putatan	496
8	Kunak	415
9	Penampang	255
10	Pitas	417
11	Keningau	463
12	Beaufort	177
13	Papar	207
14	Nabawan	168
15	Kinabatangan	71
16	Sipitang	62
17	Tongod	39
18	Tenom	47
19	Kota Marudu	9
20	Tambunan	2
21	Telupid	57
JUMLAH		23,778

SOALAN NO : 34

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan sejak 1982, antaranya adalah untuk menangani isu setinggan di bandar dan juga luar bandar. Setakat ini, Kementerian telah membina sebanyak 154 projek PPR di seluruh negara yang merangkumi 97,196 unit rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek **PPR di Sabah setakat ini merupakan bilangan yang terbesar** iaitu sebanyak **33 projek yang telah siap dibina** merangkumi **23,009 unit** dan **5 projek dalam pembinaan** merangkumi **3,090 unit**. Secara keseluruhannya, bilangan **PPR yang telah siap di Sabah** merupakan **21.4% daripada bilangan PPR** yang telah dibina di seluruh negara.

Sebanyak 5 projek PPR sedang dalam pembinaan di Sabah seperti berikut:

- i. PPR Kiansom, Inanam (1000 unit);
- ii. PPR Jalan Tungku, Lahad Datu (650 unit);
- iii. PPR Gayang II, Tuaran (500 unit);
- iv. PPR Tagasan (500 unit); dan
- v. PPR Pitas (440 unit).

Kerajaan akan terus komited dalam menyediakan PPR kepada golongan yang memerlukan. KPKT memohon agar Kerajaan Negeri Sabah akan terus membantu mengenal pasti cadangan lokasi yang bersesuaian untuk program-program perumahan mampu milik di bawah KPKT khususnya program PPR.

Sekian,terima kasih.